

IMEJ KANAK-KANAK DALAM PAKAIAN KASUAL

REMAJA MASA KINI :

PSIKOLOGI DAN FESYEN

OLEH

HASLINDA BINTI CHE GHANI

95241628

SARJANA MUDA SENIREKA FESYEN

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN

SESSI 1998/99

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dapat menghasilkan tesis ini bagi memenuhi salah satu syarat untuk layak mendapatkan Sarjana Muda Senireka Fesyen, di Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Di mana ia adalah hasil bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada pihak individu mahupun yang berkumpulan. Sekalung jutaan terima kasih kepada mereka yang banyak memberi sokongan dan panduan dalam penulisan saya ini. Kepada pihak yang terlibat iaitu, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor serta para pensyarah yang terlibat. Terima kasih juga kepada keluarga tercinta mama, papa, adik-adik, rakan-rakan (mimie, rini dan lis), saudara-mara dan teristimewa buat yang tersayang (Zulkifi), segala jasa dan budi yang disumbangkan amat saya hargai. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Salam Sayang,

Haslinda, ITM,98/99.

SINOPSIS

Fesyen adalah salah satu bukti penghasilan cara berpakaian atau data visual yang jelas memperkatakan tentang kelakuan pemikiran kesan-kesan psikologi daripada perubahan dan perkembangan keadaan sekeliling dan juga pegangan hidup seseorang secara ringkas. Fesyen adalah citarasa seseorang dalam berpakaian dipengaruhi oleh aspek-aspek yang tertentu, pada satu keadaan yang tertentu, untuk jangka masa yang tertentu.

Selain daripada melihat perkembangan dan inovasi terhadap fesyen remaja dan kanak-kanak, saya juga membuat kajian tentang psikologi perkembangan mental mereka. Minat dan kecenderungan pada peringkat pertumbuhan mental mereka ini dikaitkan dengan pemilihan terhadap pakaian. Kajian terhadap elemen-elemen yang menarik dan seterusnya mempunyai tujuan serta fungsi yang tersirat. Daripada kajian-kajian inilah juga saya cuba memaparkan idea serta cadangan terhadap cara remaja berpakaian kepada imej kanak-kanak. Ini kerana remaja pada peringkat ini mula memperlihatkan sifat agresif dan kerana perangai mereka yang

IMEJ KANAK-KANAK DALAM PAKAIAN KASUAL REMAJA

MASA KINI :

PSIKOLOGI DAN FESYEN

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Sepatah dua kata

Penghargaan

ii

Objektif

iii

Sinopsis

iv

Metodologi

vii

BAB 1

1.1 Istilah Fesyen

1

1.2 Hipotesis

3

1.1 ISTILAH FESYEN

Bagi mendalami dan mengetahui erti sebenar dunia fesyen, kita haruslah memahami pengertian istilah yang digunakan kerana ianya mempunyai '*vocabulary*' tersendiri.

Ahli psikologi berpendapat, ada tanda-tanda yang berkait rapat antara minat seseorang berpakaian sama ada dari rekacorak atau design pakaian itu sendiri, dan fesyen adalah gaya yang lazim terdapat pada sesuatu masa tertentu yang mana ia wujud bersama-sama dan mempunyai tujuan-tujuan tersendiri. Selain daripada penonjolan pereka fesyen dan individual.¹

Kenyataan yang dibuat oleh pakar fesyen *Paul Nystrom*, dalam tahun 1928 adalah benar-benar memberi takrifan yang jelas. Di mana beliau mengatakan bahawa fesyen adalah gaya yang lazim, terdapat pada satu-satu masa yang tertentu.

¹ Encik Yusof B. Bakar, Pensyarah Psikologi, FSSR, ITM Shah Alam.
- 31hb Disember 1998, pukul 4-5 ptg